



**MAJLIS DAERAH PASIR PUTEH
16800 PASIR PUTEH
KELANTAN**

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada warganegara Malaysia yang berkelayakan dalam bidang yang berkaitan untuk memohon jawatan di Majlis Daerah Pasir Puteh, 16800 Pasir Puteh Kelantan sebagaimana berikut:-

Jawatan	: PENOLONG PEGAWAI TADBIR
Gred	: N32/N36
Kumpulan Perkhidmatan	: Pelaksana
Klasifikasi Perkhidmatan	: Pentadbiran dan Sokongan
Jadual Gaji	:

GRED	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KGT
N32	RM 2,844.00	RM 6,256.00	RM 155.00
N36	RM 3,527.00	RM 7,506.00	RM 180.00

Taraf Jawatan : Tetap

Syarat Peningkatan Secara Lantikan :

- i) Calon bagi peningkatan secara lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan 55 atau 56 tahun; atau

- (c) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
- (d) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.
- (e) Kenaikan Pangkat Ke Gred N32
 - i. Penolong Pegawai Tadbir Gred N29 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir N32 yang kosong apabila telah :
 - a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- (f) Kenaikan Pangkat Ke Gred N36
 - i. Penolong Pegawai Tadbir Gred N32 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir N36 yang kosong apabila telah :
 - a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan



**MAJLIS DAERAH PASIR PUTEH
16800 PASIR PUTEH
KELANTAN
NO.TELEFON : 09-7855800
NO.FAX : 09-7867011**

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia yang berkelayakan dalam bidang yang berkaitan untuk memohon jawatan di Majlis Daerah Pasir Puteh, Kelantan sebagaimana berikut:-

Jawatan	:	PENOLONG PEGAWAI PENGUATKUASA
Gred	:	KP29
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pelaksana
Klasifikasi Perkhidmatan	:	Keselamatan Dan Pertahanan Awam
Jadual Gaji	:	

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KGT
RM 1,493.00	RM 5,696.00	RM 145.00

Taraf Jawatan : Tetap

Syarat Lantikan :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- a. Warganegara Malaysia;
- b. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c. i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
(Gaji Permulaan ialah pada Gred KP29; RM1,493.00) atau

- ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
(Gaji Permulaan ialah pada Gred KP29: RM1,493.00) atau
 - iii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
(Gaji Permulaan ialah pada Gred KP29: RM1,493.00) atau
 - iv) Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat sarjan atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan;
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP29:RM1,493.00) atau
 - v) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP29:RM1,770.95) atau
 - v) Diploma dalam bidang undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP29:RM1,846.15)
- d. Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan dan pancaindera seperti berikut:
- i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53 m bagi wanita tanpa sepatu;
 - ii) berat badan sekurang-kurangnya 48 kg bagi lelaki dan 46 kg bagi Wanita;
 - iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
 - iv) mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
 - v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
 - a. pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
 - b. diperiksa dan diakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar

Syarat Bahasa Melayu :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Syarat Peningkatan Secara Lantikan :

Pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Penguatkuasaan layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Penguatkuasa Gred KP29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan;

- a. mempunyai kelayakan di perenggan 1 (c) dan 1 (d) dan;
- b. had umur pelantikan;
 - i. berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - ii. berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - iii. berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur perasaraan paksa 60 tahun.

CARA MEMOHON

1. Permohonan hendaklah dibuat dengan melengkapkan Borang Permohonan Jawatan Kosong. Borang tersebut boleh diperolehi di laman sesawang <https://mdpputeh.kelantan.gov.my>
2. Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah disertakan :-
 - i. Sekeping gambar berukuran pasport;
 - ii. Salinan kad pengenalan yang telah disahkan;
 - iii. Salinan sijil lahir yang telah disahkan;
 - iv. Salinan sijil tamat persekolahan / sijil berhenti sekolah yang telah disahkan;
 - v. Salinan sijil pendidikan tertinggi (Ijazah / Diploma / STPM / SPM / PMR) yang telah disahkan;
 - vi. Salinan semakan pengiktirafan kelayakan pendidikan dari JPA melalui laman web interaktif <https://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm> (Sijil/Diploma/Ijazah);
3. Setiap permohonan hendaklah ditulis Nama Jawatan dibahagian atas sampul surat sebelah kiri;
4. Borang permohonan yang telah lengkap hendaklah dihantar kepada:

**Yang DiPertua,
Majlis Daerah Pasir Puteh,
16800 Pasir Puteh,
Kelantan.**

5. Permohonan daripada calon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan dengan menyertakan salinan kenyataan perkhidmatan yang dikemaskini dan 3 laporan penilaian prestasi tahunan yang terakhir sepertimana mengikut peraturan 18 Tahun 2012 dibawah peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan);
6. Semua pemohon yang disenarai pendek perlu mengambil ujian-ujian yang berkaitan berdasarkan jawatan yang dipohon. Hanya calon yang layak melepasi ujian-ujian tersebut akan dihubungi untuk ditemuduga;
7. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan tidak berjaya;

8. Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah ditanggung oleh calon sendiri;
9. Calon hendaklah menduduki ujian psikologi yang telah ditetapkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan Bahagian Sumber Manusia bagi saringan psikologi.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 03 September 2023

PERMOHONAN YANG AKAN DITOLAK :

1. Borang permohonan yang tidak lengkap;
2. Borang yang tidak disertakan dokumen yang lengkap;
3. Borang yang diterima selepas tarikh tutup iklan;
4. Pemohon tidak memenuhi / tidak menepati syarat-syarat lantikan jawatan yang diiklankan.